

Hakimi tekad raih emas di Singapura

Kuala Lumpur: Atlet lompat kijang kebangsaan, Muhammad Hakimi Ismail, bertekad meraih pingat emas pada temasya Sukan SEA di Singapura Jun depan selain menjadikan temasya terbesar Asia Tenggara itu medan untuk dirinya melayakkan diri beraksi pada Kejohanan Dunia di Beijing, dua bulan selepas itu.

“Jika ingin mendapatkan pingat emas, saya perlu melakukan lompatan lebih 16.50 meter (m). Namun, saya akui akan berdepan saingan sengit daripada peserta Thailand dan Vietnam.

“Selain itu, saya juga kena berusaha kuat untuk ke Kejohanan Dunia dengan had kelayakan adalah sejauh 16.90m dan sekiranya berjaya ia adalah penampilan pertama untuk kejohanan berprestij itu,” katanya yang meraih pingat emas di Sukan Universiti ASEAN, Palembang, dengan catatan 16.28m hujung tahun lalu.

Masih sakit

Bagi merealisasikan impian berkenaan, penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) berusia 23 tahun itu

FAKTA NOMBOR


16.44 meter

lompatan Hakimi di Sukan SEA Myanmar 2013

bagaimanapun berharap kecederaan pangkal paha ketika bertanding di Sukan Dalam Dewan Asia, Guangzhou, China, Februari tahun lalu dapat pulih sepenuhnya.

“Sampai sekarang saya masih terasa kesakitan itu dan hanya latihan ringan dapat dilakukan. Harap semuanya sembuh sebelum kejohanan penting, tahun ini,” katanya yang meraih pingat perak di Sukan SEA, Myanmar 2013 dengan lompatan sejauh 16.44 m.

Catatan itu sekali gus meledurkan rekod kebangsaan berusia 24 tahun milik Mohd Zaki Sadri sejauh 16.29m. - **Oleh Mohd Khairie Khalid**



Hakimi jangka **berdepan saingan sengit** daripada atlet Thailand dan Vietnam dalam saingan Sukan SEA di Singapura Jun depan.